



22120188



International Baccalaureate®
Baccalauréat International
Bachillerato Internacional

MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 2
MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 2
MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 2

Tuesday 15 May 2011 (morning)
Mardi 15 mai 2011 (matin)
Martes 15 de mayo de 2011 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.
- You are not permitted to bring copies of the works you have studied into the examination room.
- The maximum mark for this examination paper is *[25 marks]*.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2^e partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie n'obtiendront pas une note élevée.
- Vous n'êtes pas autorisé(e) à amener des exemplaires des œuvres que vous avez étudiées dans la salle d'examen.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est *[25 points]*.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.
- No se permite traer a la sala de examen copias de las obras estudiadas.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es *[25 puntos]*.

Jawab **satu** soalan esei sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan dari satu karya dalam Bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya ada perkaitan. Jawapan-jawapan yang **tidak berdasarkan** perbincangan dari sekurang-kurangnya **dua karya** dalam Bahagian 3, **tidak akan** mendapat markah yang tinggi.

Cerpen

1. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan teknik-teknik yang digunakan pengarang untuk mengembangkan watak-watak protagonis atau antagonis dalam skop penceritaan yang terbatas.
2. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan bagaimana pengarang yang berlainan mengolah dan menampilkan persoalan keganasan dan/atau kezaliman.

Drama

3. Kemukakan hujah-hujah yang menunjukkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, dapat dilihat sebagai kritikan terhadap perlakuan peribadi atau golongan tertentu.
4. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan dan bezakan olahan plot oleh dua pengarang berlainan dan kesan yang anda rasakan.

Novel

5. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan keberkesanan teknik penceritaan berbeza yang digunakan oleh pengarang-pengarang.
6. Sejauhmanakah reputasi watak dan/atau golongan yang diwakilinya menjadi elemen penting dalam perkembangan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji?

Prosa Tradisional

7. Bandingkan pemaparan dan kepentingan unsur-unsur mitos dan/atau susur galur keturunan yang terdapat pada sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji.
8. Bandingkan penggunaan dan kesan gaya bahasa prosa tradisional yang telah anda kaji berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3.

Puisi

9. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bandingkan bagaimana dua atau lebih penyair menggunakan ketaksaan dan/atau kekaburan bahasa dengan berkesan.
10. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bincangkan cara dan kesannya, dua atau lebih penyair menzahirkan perasaan berkobar-kobar mereka.

Am

11. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bincangkan bagaimana dua atau lebih pengarang mengesahkan atau mencabar tanggapan bahawa pada dasarnya sastera adalah satu kajian tentang nilai-nilai kemanusiaan.
 12. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bincangkan bagaimana pengarang menunjukkan sikap dan pemikirannya terhadap alam atau persekitaran semula jadi.
 13. Bagaimana dan sejauhmanakah berkesannya dua atau lebih pengarang mencetuskan suasana (*mood*) atau nada, seperti sedih, muram, ceria, optimis atau pesimis berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji?
 14. Berdasarkan sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3 yang anda kaji, bincangkan bagaimana pengarang berlainan mengolah bahagian peleraian atau penutup yang mengesahkan atau di luar jangkaan.
-